



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SKUAD IHSAN MADANI KPDN DIGERAKKAN BANTU MANGSA BANJIR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melabuhkan tirai penganjuran Jelajah Karnival KPDN bagi tahun 2024 di Negeri Melaka. Ini merupakan penganjuran bagi Zon Selatan setelah lima siri penganjuran telah diadakan di Perlis (Zon Utara), Kelantan (Zon Timur), Perak (Zon Tengah), Sarawak dan Sabah.

Bagi Zon Sabah, penganjuran Karnival KPDN telah diadakan bersekali dengan Program Madani Rakyat Sayangi Sabah 2024 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, dan KPDN telah bertindak sebagai kementerian peneraju.

Untuk makluman, Karnival KPDN Zon Selatan 2024 ini berlangsung selama 3 hari bermula hari ini hingga 8 Disember 2024. Antara tarikan sepanjang tiga hari karnival ini ialah penganjuran Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) selama 40 jam tanpa henti bermula jam 9 malam, 6 Disember sehingga 1 tengah hari, 8 Disember 2024. Ia bakal direkodkan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai *Longest Non-Stop Government Community Sale* yang menawarkan pelbagai barang untuk dibeli oleh para pengunjung pada harga diskau.

Selain itu, program ini turut menawarkan pelbagai aktiviti menarik serta pameran yang informatif. KPDN berharap agar para pempamer dan pengunjung dapat memanfaatkan platform ini untuk memperluas rangkaian perniagaan, memperkenalkan jenama masing-masing, serta menikmati peluang-peluang yang disediakan sepanjang karnival berlangsung.

Bersempena majlis ini juga, KPDN telah mengumumkan penubuhan pasukan sukarelawan Skuad Ihsan MADANI KPDN. Skuad ini diwujudkan sebagai usaha mendokong nilai IHSAN dalam Kerajaan MADANI dan seruan kerajaan mempergiat partisipasi penjawat awam sebagai sukarelawan banjir.

Pasukan ini akan digerakkan untuk membantu khususnya dalam kerja-kerja pembersihan, penghantaran bantuan makanan kepada mangsa banjir serta bantuan lain yang bersesuaian dengan penyelarasannya oleh pihak yang bertanggungjawab.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Melaka
6 Disember 2024

###